**KENYATAAN MEDIA**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (22 APRIL 2021) -** Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) turut menzahirkan kebimbangan yang sama dengan pelbagai organisasi dan individu berhubung isu untuk tidak melanjutkan pajakan tanah Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas (CBN) dan berkemungkinan untuk dipindahkan.

SUHAKAM berpandangan bahawa operasi sekolah tersebut perlu dikekalkan sebagai status quo dan pajakan tanah sekolah itu perlu diperbaharui. Sebagai salah sebuah sekolah yang berprestasi tinggi, CBN perlu dibenarkan untuk meneruskan khidmat pendidikannya sebagaimana yang telah dipraktikkannya selama lebih satu abad. Hak kepada pendidikan datang dalam pelbagai bentuk bukan hanya kepada pelajar namun ia juga berkaitan dengan kelangsungan hidup dan juga kaedah latihan oleh warga pendidik sekolah itu. Selagi mana ia mematuhi keperluan pendidikan dan undang-undang, tiada institusi boleh ditentukan tentang bagaimana ia harus menjalankan operasi mereka.

SUHAKAM menggesa pihak berkuasa, termasuk Jabatan Warisan Negara untuk memelihara CBN dan terus melindungi keistimewaan dan warisan sekolah ini sebagai institusi pendidikan bersejarah yang ikonik dan telah memainkan peranannya dalam mendidik rakyat Malaysia selama 122 tahun.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**22 April 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*